



Kembirikan Haiwan Peliharaan Anda Untuk Mencegah Pembiakan Yang Tidak Diinginkan!

Pernahkah anda berada di situasi dimana anda tidak tahu apa yang harus dilakukan terhadap anak haiwan peliharaan anda yang baru lahir? Atau mengetahui yang teman-teman anda sedang terdesak mencarikan tempat tinggal untuk anak haiwan peliharaan mereka?

Seringkali, anak haiwan tersebut dibiarkan terbuang selepas pemilik tidak berupaya untuk memelihara mereka. Cara yang terbaik bagi mengelakkan ini berlaku adalah untuk mengembirai haiwan peliharaan anda.

Mengapa Kembiri?

Pengembirian adalah cara yang terbaik bagi mencegah pembuangan haiwan peliharaan. Ia merupakan prosedur pembedahan yang rutin bagi mengeluarkan organ reproduktif daripada haiwan tersebut. Pengembirian boleh dilakukan kepada kucing, anjing, arnab dan tikus belanda jantan atau betina oleh doktor haiwan yang berlesen. Haiwan peliharaan yang telah dikembiri menunjukkan sifat yang kurang agresif dan lebih penyayang.

JADILAH PEMILIK HAIWAN YANG BERTANGGUNGJAWAP, KEMBIRIKAN HAIWAN PELIHARAAN ANDA.

Di Sebalik Mitos Pengembirian

Mitos: Pembedahan yang dilakukan itu menyakitkan dan bahaya untuk haiwan peliharaan saya.



Fakta: Pengembirian adalah pembedahan yang rutin dan biasa dilakukan terhadap haiwan. Risiko yang dihadapi amatlah kecil jika haiwan tersebut dikembirikan oleh doktor haiwan yang berlesen. Haiwan tersebut tidak akan merasakan kesakitan yang amat memandangkan prosedur ini dilakukan di bawah pengaruh anestesia. Kebanyakan haiwan akan sembuh dengan cepatnya dan kembali normal selepas 24-48 jam.

Mitos: Haiwan peliharaan saya akan menjadi gemuk dan malas selepas pengembirian.



Fakta: Kurangnya latihan dan pemakanan yang berlebihan merupakan punca mengapa haiwan itu menjadi gemuk dan malas, bukan pengembirian. Latihan haiwan anda sekerap mungkin dan awasi pengambilan makanannya bagi mencegah kenaikan berat badan yang berlebihan.

Mitos: Pengembirian tidak perlu. Saya dengan mudahnya boleh mendapatkan tempat tinggal yang baru bagi anak haiwan peliharaan saya.



Fakta: Banyak haiwan peliharaan yang terpaksa dihapuskan setiap tahun kerana kekurangan tempat tinggal untuk mereka. Tiada jaminan tempat tinggal yang sesuai boleh didapatkan untuk anak haiwan peliharaan anda. Jangan tambahkan bilangan haiwan yang tiada tempat berteduh.



Mitos: Mengembiri haiwan peliharaan saya amat mahal dan tidak berfaedah.

Fakta: Pengembirian adalah prosedur yang dilakukan sekali dalam seumur hidup haiwan tersebut. Harganya juga amat kecil jika dibandingkan dengan kos memelihara anak haiwan itu.

SIAPA ITU AVA? Penguasa Agri-Makanan dan Veterinar (AVA) telah ditubuhkan bagi memastikan daya kenyal dan keselamatan bekalan makanan, melindungi kesihatan haiwan dan tanam-tanaman, serta memudahkan dagangan agri bagi Singapura.

AVA JUARA KEBAJIKAN HAIWAN

Satu daripada matlamat utama AVA ialah melindungi dan mempromosi kebajikan haiwan. AVA melakukannya dengan menguatkuasakan peraturan-peraturan ketat bagi melindungi haiwan daripada kekejaman dan mendidik orang ramai mengenai tanggungjawab sebagai pemilik haiwan peliharaan. Melalui pendidikan awam seperti ceramah, pertunjukan, pameran dan percetakan, AVA melengkapi para pemilik serta bakal pemilik dengan ilmu pengetahuan mengenai penjagaan dan tanggungjawab yang harus wujud sebagai pemilik haiwan peliharaan. AVA juga bekerjasama dengan organisasi-organisasi kebajikan haiwan.

Usaha ini amat kritikal bagi mencapai mutu tinggi dalam penjagaan haiwan peliharaan serta mengurangi pembuangan haiwan peliharaan. AVA berperanan untuk memastikan bahawa keharmonian yang berterusan wujud di antara orang ramai dan haiwan-haiwan di Singapura.

SUMBER KEBAJIKAN HAIWAN AVA

Pusat Kebajikan dan Kawalan Haiwan AVA (CAWC) adalah sebuah pusat perhentian mengenai hal-hal berkenaan kebajikan haiwan dan kawalan. Orang ramai boleh singgah ke pusat ini untuk mendapatkan maklumat mengenai haiwan peliharaan dan penjagaannya. Ceramah mengenai tanggungjawab pemeliharaan haiwan dan penerbitan mengenai kebajikan haiwan boleh didapati atas permintaan.

Pusat Kebajikan dan Kawalan Haiwan AVA (CAWC) terletak di:
75 Pasir Panjang Road, Singapura 118507 Fax: 6473 3687

Untuk maklumat selanjutnya mengenai hal ini, kunjungilah CAWC atau hubungi talian AVA di 6471 7197 atau lungsurilah laman AVA di www.ava.gov.sg

AGRI-FOOD AND VETERINARY AUTHORITY OF SINGAPORE
5 Maxwell Road, #03-00 MND Complex, Tower Block, Singapore 069110
General enquiries hotline: (65) 6325 7625 Fax: (65) 6220 6068
Email: AVA_Email@ava.gov.sg

HAIWAN PELIHARAAN ADALAH UNTUK SEPANJANG HAYAT

